

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH PENDIDIKAN KHAS (SEMAKAN 2017)

PENDIDIKAN MORAL

(Masalah Pembelajaran)

PENULIS

Norlaili binti Ishak
Siti Halijah binti Abdul Karim

EDITOR

Mohd 'Udzair bin Depanaik

PEREKA BENTUK

Kha'liesah binti Badruddin

ILUSTRATOR

Che Mohd Bazli bin Che Husain

BUKU TEKS
TAHUN
4



Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2019



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri: 0068

KK 370-221-0102011-49-2496-20101
ISBN 978-983-49-2496-6

Cetakan Pertama 2019
© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada pengiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:

Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)
No. Faksimile: 03-21479643
Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Huruf:
Modernmedia Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Azim
Saiz Muka Taip Teks: 18 poin

Dicetak oleh:
Riatinta Sdn. Bhd.,
No. 20, Jalan PBS 14/13,
Kawasan Perindustrian Bukit Serdang,
43300 Bukit Serdang, Selangor.

PENGHARGAAN

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang berikut:

- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Organisasi atau institusi yang telah memberikan kerjasama dan membenarkan karya atau bahan terbitannya digunakan sebagai bahan pembelajaran.
- Semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menjayakan penerbitan buku ini.



Kandungan

PENDAHULUAN

v

UNIT

1

AGAMA ATAU KEPERCAYAAN 1 - 4

UNIT

2

**MEMBANTU JIRAN
AMALAN TERPUJI 5 - 10**

UNIT

3

**TANGGUNGJAWAB
KEWAJIPAN BERSAMA 11 - 16**

UNIT

4

**TERIMA KASIH
KELUARGAKU 17 - 22**

UNIT

5

**BERADAB SOPAN
AMALAN TERPUJI 23 - 28**

UNIT

6

HORMATILAH ORANG LAIN 29 - 34

UNIT

7

SAYANGI WARGA SEKOLAH 35 - 40

UNIT
8 **ADIL DAN SAKSAMA** **41-46**

UNIT
9 **BERANI BERKOMUNIKASI
DI SEKOLAH** **47-52**

UNIT
10 **AMALAN JUJUR
MENINGKATKAN JATI DIRI** **53-58**

UNIT
11 **KERAJINAN TANGGA
KEJAYAAN** **59-64**

UNIT
12 **AMALAN KERJASAMA
DALAM KELUARGA** **65-70**

UNIT
13 **KESEDERHANAAN** **71-76**

UNIT
14 **TOLAK ANSUR
KELUARGA SEJAHTERA** **77-82**



Pendahuluan

Buku teks *Pendidikan Moral (Masalah Pembelajaran) Tahun 4* ini terdiri daripada buku teks dan buku aktiviti. Buku ini digubal berasaskan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (Semakan 2017) yang diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Buku ini disediakan khas untuk murid bermasalah pembelajaran bukan beragama Islam yang mempelajari mata pelajaran Pendidikan Moral. Buku ini diterbitkan bagi menerapkan 14 nilai murni dalam kalangan murid pendidikan khas bermasalah pembelajaran. Semua nilai murni tersebut dipersembahkan dalam buku ini untuk menterjemahkan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) agar pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan oleh murid dan guru sama ada di dalam atau di luar bilik darjah.

Buku teks dan buku aktiviti *Pendidikan Moral (Masalah Pembelajaran) Tahun 4* menitikberatkan tiga domain yang terdapat dalam kurikulum, iaitu pemikiran moral, perasaan moral dan perlakuan moral. Tiga domain ini dijalinan agar murid dapat memahami 14 nilai yang terdapat dalam buku. Huraian setiap satu nilai murni diolah secara terperinci mengikut keperluan murid bermasalah pembelajaran Tahun 4. Nilai murni yang terdapat dalam buku ini ialah kepercayaan kepada Tuhan, baik hati, bertanggungjawab, berterima kasih, berhemah tinggi, hormat, kasih sayang, keadilan, keberanian, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan dan toleransi.

Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) turut diberikan penekanan dalam buku ini agar dapat membudayakan pemikiran kreatif dan kritis dalam kalangan murid. Melalui KBAT, murid mampu menilai, berfikir, menganalisis, memahami dan mengaplikasikan nilai moral dalam pelbagai aspek. Murid dapat meningkatkan ilmu pengetahuan melalui pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran. Peranan guru sebagai pemudah cara dalam penyampaian ilmu juga amat penting melalui pelaksanaan pelbagai kaedah dan aktiviti yang menarik. Pelbagai elemen Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) seperti permainan, simulasi, nyanyian dan sebagainya dinukilkan dalam buku ini. Namun begitu, guru juga boleh menggunakan kreativiti masing-masing mengolah aktiviti mengikut kesesuaian murid dan keadaan sekeliling. Selain itu, elemen merentas kurikulum ditampilkan melalui teknologi maklumat dan komunikasi, kreativiti dan inovasi serta keusahawanan.

Penerangan Ikon Buku Teks

Penggunaan buku teks ini dibantu dengan penyediaan ikon tertentu. Ikon tersebut adalah seperti yang berikut:



Merupakan teks utama yang memperkenalkan konsep dan mencetuskan pemikiran murid.



Mengembangkan pemahaman dan pemikiran murid tentang nilai yang dipelajari.



Mengembangkan pemahaman dan pemikiran murid melalui pelbagai aktiviti secara cuba buat.



Membantu murid yang kurang menguasai nilai yang dipelajari dengan menjalankan pelbagai aktiviti mengikut kemampuan.



Merujuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang bersesuaian dengan tahap kognitif murid.



Mengimbas kod menggunakan peranti semasa untuk mendapatkan maklumat dalam pelbagai bentuk.



Panduan kepada guru untuk membimbing murid mencapai SP yang telah ditetapkan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).



Panduan dan cadangan kepada guru untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai mengikut kemampuan murid.

Fahami gambar di bawah.

Marcella telah melawat satu pameran bersama-sama dengan ayahnya. Di satu sudut pameran, terdapat maklumat berkaitan dengan agama atau kepercayaan di Malaysia.



Agama Islam



Agama Kristian



Agama Sikh



Agama Hindu



Agama Buddha



Kepercayaan Animisme

1. Nyatakan agama atau kepercayaan yang terdapat di Malaysia.
2. Apakah agama yang kamu anuti?





Menghormati Agama Rakan Saya

Baca dan fahami situasi di bawah.

1

Rama, kamu membotakkan kepala!

2

Adakah kamu menunaikan nazar?

3

Ya, saya menunaikan nazar.



1. Bagaimanakah cara kamu menghormati agama rakan yang lain berdasarkan situasi di atas?
2. Nyatakan perasaan kamu setelah menghormati agama rakan kamu.





Menghormati Kepercayaan Rakan-rakan Saya

Teliti dan fahami situasi di bawah.



1. Ceritakan cara kamu menghormati agama atau kepercayaan rakan-rakan kamu.



1.1.1
1.1.2
1.1.3



Nota Guru


• Bimbing murid melakukan aktiviti di atas menggunakan "Kerusi Panas".



Mari Bermain Bersama-Sama

Cara bermain:

1. Murid diminta melontarkan bola pingpong ke dalam cawan secara bergilir-gilir.
2. Murid yang berjaya memasukkan bola pingpong ke dalam cawan akan diberikan sekeping *puzzle*.
3. Murid dikehendaki menyusun kepingan *puzzle* untuk membentuk gambar yang lengkap.



IMBAS SAYA



1. Berdasarkan gambar *puzzle* yang telah kamu lengkapkan, ceritakan cara kamu menghormati agama atau kepercayaan rakan kamu.
2. Apakah perasaan kamu setelah mengamalkan cara menghormati agama rakan-rakan kamu?



Fahami cerita di bawah.



Hannah dan Neela tinggal berjiran. Mereka berkawan baik. Setiap hari, mereka pergi dan pulang dari sekolah bersama-sama dengan menaiki bas.

Pada suatu hari, ketika mereka hendak turun dari bas, hujan turun dengan lebatnya. Hannah berkongsi payung dengan Neela.



Neela mengucapkan terima kasih kepada Hannah. Hannah berasa gembira kerana dapat membantu Neela.

1. Nyatakan cara Hannah membantu jirannya.
2. Jelaskan kebaikan membantu jiran.





Fahami cerita di bawah.



1. Nyatakan tindakan Kelly untuk membantu jirannya.
2. Apakah kebaikan yang diperolehi apabila kamu membantu jiran?



Pantun Baik Hati

Mari berpantun.

Pasang joran umpannya basah,
Sambil berangan di tepi jeti;
Jika jiran hidupnya susah,
Bantulah dengan seikhlas hati.

Batang galah dibuat joran,
Dapatlah seekor ikan haruan;
Berbuat baik kepada jiran,
Jiran sakit hulumkan bantuan.

Cantik nian cahaya bulan,
Indah menyinari jelas ketara;
Membantu jiran jadikan amalan,
Hidup harmoni aman sejahtera.



IMBAS SAYA

1. Berpandukan pantun di atas, nyatakan cara kamu membantu jiran.
2. Ceritakan perasaan kamu apabila membantu jiran.



2.1.1
2.1.2
2.1.3
2.1.4



Kad Ucapan

Arahan:

1. Murid perlu menyediakan kad ucapan menggunakan komputer untuk diberikan kepada jiran yang kurang sihat.
2. Murid boleh menghias kad mengikut kreativiti masing-masing.
3. Setelah siap, murid perlu menyerahkan kad tersebut kepada jiran.



1. Apakah cara lain untuk mengamalkan nilai baik hati kepada jiran?



Nota Guru

- Guru boleh menggunakan aplikasi yang sesuai mengikut kreativiti masing-masing untuk melaksanakan aktiviti ini.



Baik Hati Jadikan Amalan

Fahami gambar di bawah.



1. Apakah kebaikan sikap baik hati yang ditunjukkan oleh Joseph berdasarkan gambar di atas?





Roda Baik Hati

Cara bermain:

- Murid memutar roda sehingga roda berhenti.
- Murid diminta untuk melakukan cara membantu orang lain berpandukan gambar yang ditunjukkan oleh anak panah.
- Murid yang berjaya melakukan cara tersebut akan diberikan "token baik hati".



IMBAS SAYA

Info:
Token baik hati akan diletakkan pada carta ganjaran yang berada di dalam kelas.



1. Ceritakan pengalaman kamu membantu jiran.



Nota Guru

- Guru boleh menyediakan bahan untuk melakukan aktiviti ini.
- Guru mengingatkan murid untuk membantu mengikut kemampuan masing-masing.
- Minta murid menyatakan perasaan selepas membantu jiran.

TANGGUNGJAWAB KEWAJIPAN BERSAMA



Fahami situasi di bawah.

Andik tidak hadir ke taklimat tentang Agoonoree Pengakap.



1. Nyatakan cara Muthu bertanggungjawab terhadap rakan dalam cerita di atas.





Tanggungjawab Amalan Mulia

Baca dan fahami cerita di bawah.

- 1 Murid Kelas 4 Utarid akan mengikuti latihan boling di Purnama Super Bowl. Mereka diminta berkumpul di sekolah pada pukul 9:00 pagi.



2





1. Nyatakan cara Amy dan Mala bertanggungjawab terhadap Fira.

2. Apakah yang akan berlaku kepada Fira jika rakannya tidak membantu? 🍄





Ikrar Tanggungjawab

Lafazkan dan hayati ikrar di bawah.

Bahawa dengan sesungguhnya;
Saya bertanggungjawab terhadap rakan saya;
Melaksanakan pesanan rakan;
Menasihati rakan-rakan jika mereka membuat silap;
Saya berasa bangga dapat bertanggungjawab
terhadap rakan;
Saya akan dipercayai dan disayangi rakan-rakan.



I. Berpandukan ikrar di atas, bagaimanakah kamu melaksanakan tanggungjawab terhadap rakan?





Poster Tanggungjawab

Fahami poster tanggungjawab di bawah.



1. Nyatakan kepentingan sikap bertanggungjawab terhadap rakan.
2. Nyatakan perasaan kamu apabila dapat melaksanakan tanggungjawab terhadap rakan.



3.1.2
3.1.3



Apakah Tindakan Kamu?

Berdasarkan situasi di bawah, nyatakan cara kamu bertanggungjawab terhadap rakan. Lakonkan.

Situasi 1

Rakan meminta kamu menjaga makanannya kerana dia pergi ke tandas.



Situasi 2

Kamu menziarahi rakan yang sakit. Rakan meminta kamu memaklumkan kepada guru bahawa dia tidak dapat hadir ke sekolah.



Situasi 3


Semasa gotong-royong, rakan kamu tidak melaksanakan tugasnya.



Situasi 4

Semasa ke tandas, kamu ternampak rakan kamu ponteng sekolah.



1. Berdasarkan pengalaman kamu, ceritakan cara kamu bertanggungjawab terhadap rakan.
2. Apakah yang berlaku jika kamu tidak bertanggungjawab terhadap rakan? 



Fahami situasi di bawah.



SELAMAT HARI IBU

Terima kasih, emak.
Saya sayang emak.

1. Berdasarkan situasi di atas, nyatakan cara berterima kasih kepada ahli keluarga.
2. Mengapakah kita perlu berterima kasih kepada ahli keluarga?



Terima Kasih Ibu dan Abang

Fahami cerita di bawah.

Pada suatu petang, Ji Keong dan Ji Hong menunggang basikal di sekitar kawasan perumahan mereka.



Aduh, sakitnya!
Abang, tolong saya.




Jangan menangis, Ji Keong.
Abang ada di sini.

Sama-sama,
Ji Keong.

Terima kasih,
abang.





1. Apakah kebaikan adik berterima kasih kepada abang?
2. Berdasarkan pengalaman kamu, nyatakan cara berterima kasih kepada ahli keluarga.





Ucapkan Terima Kasih


Fahami situasi di bawah dan lakonkan cara berterima kasih kepada keluarga.

1

Terima kasih kerana hantar saya ke sekolah, ayah.



2



1. Apakah perasaan kamu setelah melakukan situasi di atas?
2. Berdasarkan situasi di atas, nyatakan cara berterima kasih kepada ahli keluarga.
3. Apakah yang akan terjadi jika kamu tidak mengamalkan sikap berterima kasih? 🌸



Kepentingan Berterima Kasih

Fahami peta minda di bawah.



1. Senaraikan kepentingan berterima kasih kepada ahli keluarga.





Hadiah untuk Ayah

Membuat bingkai gambar untuk ayah.

Alatan dan bahan:



empat batang
aiskrim berwarna



gunting



gam



gambar ayah



cat air



1
Lekatkan batang aiskrim membentuk bingkai segi empat sama.



2
Hiaskan bingkai gambar.



3
Tampilkan gambar foto pada bingkai.



4
Hadiahkan kepada ayah.

1. Apakah perasaan kamu setelah menghadiahkan bingkai gambar kepada ayah?



Baca dan fahami situasi di bawah.



1. Nyatakan perlakuan sopan yang ditunjukkan dalam situasi di atas.



Anai-anai yang Sopan

Fahami cerita di bawah.



Apa khabar

Bersopan

Terima kasih

Silakan

Bolehkah

1. Apakah kepentingan tutur kata yang sopan?
2. Nyatakan kebaikan tutur kata yang sopan.





Berbudi Bahasa Amalan Mulia

Fahami situasi di bawah.

Seorang murid Tahun 1 ingin berjumpa dengan abangnya yang berada di kelas Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI).



1. Ramalkan keadaan yang akan berlaku pada situasi 4. Mengapa? 🧠





Perlakuan Bersopan

Mari lakonkan.

Arahan:

1. Murid perlu memahami situasi.
2. Murid perlu melakukan perlakuan sopan berbandukan situasi pada setiap stesen.
3. Murid dibekalkan dengan pelekat 😊 jika berjaya melakukan perlakuan sopan dengan betul di setiap stesen.

situasi 1



situasi 2



situasi 4

PERTANDINGAN
BERCERITA



situasi 3

OPERASI SEKOLAH



1. Apakah kepentingan tutur kata yang sopan?





Lagu Hemah Tinggi

Mari menyanyi.

Berhemah tinggi amalan mulia
Mari kawan ikut nyanyi bersama
Can mali can (2 kali)
Can mali can ketipung payung

Selamat datang wahai cikguku
Silakan duduk di atas kerusi itu
Can mali can (2 kali)
Can mali can ketipung payung

Izinkan saya membantu cikgu
Hendak buat apa tolonglah beritahu
Can mali can (2 kali)
Can mali can ketipung payung

Maafkan saya jika salah kata
Berhemah tinggi amalkan bersama
Can mali can (2 kali)
Can mali can ketipung payung.



IMBAS SAYA

1. Sebutkan tutur kata sopan yang terdapat dalam lagu di atas.



Fahami poster di bawah.

Hormatilah Warga Sekolah dan Pelawat

- memberikan salam sejahtera
- memuliakan tetamu
- berjabat tangan
- mengetuk pintu sebelum memasuki pejabat atau bilik guru



- Berpandukan poster di atas, senaraikan warga sekolah dan pelawat.
- Lakonkan cara menghormati warga sekolah dan pelawat.



Menghormati Warga Sekolah dan Pelawat Amalan Kami

Lihat dan fahami situasi di bawah.



Selamat pagi, encik.
Selamat datang
ke sekolah kami.



1. Berpandukan situasi di atas, bagaimanakah cara murid menghormati pelawat?
2. Ceritakan cara kamu menghormati warga sekolah dan pelawat.
3. Ceritakan perasaan kamu apabila dapat menghormati warga sekolah dan pelawat.





Jom Hormat Warga Sekolah dan Pelawat

Cara bermain:

1. Murid akan dibahagikan mengikut kumpulan.
2. Setiap kumpulan diberikan satu kad situasi.
3. Lakonkan cara menghormati warga sekolah dan pelawat mengikut kad situasi.

Pembantu Pengurusan Murid telah mengemas dan membersihkan bilik masakan.

Pekerja kantin meminta kamu untuk beratur ketika membeli makanan.

Kad situasi

Kamu ingin lalu di hadapan sekumpulan ibu bapa yang sedang berbincang.

Empat orang ahli bomba datang ke sekolah kamu untuk latihan kebakaran.

Jururawat datang ke sekolah kamu untuk pemeriksaan dan rawatan gigi.


1. Berdasarkan kad situasi di atas, nyatakan cara kamu menghormati warga sekolah dan pelawat.
2. Ceritakan perasaan kamu setelah menghormati warga sekolah dan pelawat.





Banding Beza

Kenal pasti perlakuan yang perlu Jimmy lakukan.



1. Berdasarkan situasi di atas, apakah yang akan berlaku sekiranya kamu tidak menghormati pelawat? 🍌
2. Ceritakan pengalaman kamu menunjukkan cara menghormati pelawat.



6.1.2
6.1.3
6.1.4



Teka Siapa Saya?

A. Cara bermain:

1. Murid diminta untuk memilih salah satu daripada beberapa sampul yang disediakan oleh guru. Lakonkan watak dalam gambar tersebut.
2. Murid lain perlu meneka watak yang dilakonkan oleh rakan tersebut.
3. Rakan yang sedang melakonkan watak hanya boleh menjawab "Ya" atau "Tidak".
4. Murid yang berjaya meneka identiti watak tersebut akan mendapat token untuk Carta Ganjaran.



- B. Berdasarkan watak yang dikenal pasti dalam permainan di atas, nyatakan cara kamu menghormati warga sekolah dan pelawat.

Senarai Semak

Watak	Cara menghormati warga sekolah dan pelawat
Polis	
Guru Besar	



- Guru perlu menyediakan pelbagai watak warga sekolah dan pelawat.
- Bimbing murid melakukan aktiviti ini.

Fahami situasi di bawah.



1. Berdasarkan situasi di atas, bagaimanakah cara menyayangi warga sekolah?
2. Nyatakan cara kamu menyayangi warga sekolah.



Sajak Kasih Sayang

Hayati sajak di bawah.

Warga sekolahku,
Aku sayang kamu semua,
Tunjuk ajarmu sentiasa aku ingat,
Sentiasa mendorong kami untuk belajar.



Warga sekolahku,
Aku sayang kamu semua,
Senyuman manis sentiasa terukir,
Hubungan mesra bertambah erat.



Warga sekolahku,
Aku sayang kamu semua,
Pemandangan sekolah indah di mata,
Sentiasa membuat hati kami gembira.



Kawan-kawanku,
Kita belajar bersama-sama,
Sayang-menyayangi sesama kita,
Agar hidup kita ceria dan bahagia.



IMBAS SAYA

1. Berdasarkan sajak di atas, nyatakan cara kamu menyayangi warga sekolah.
2. Apakah kebaikan menyayangi warga sekolah?



Pidato Kasih Sayang

Baca dan fahami pidato di bawah.

Salam sejahtera rakan-rakanku,
Tajuk pidato saya pada hari ini ialah "Sayangi Warga Sekolah Kita". Saya menyeru supaya kita sentiasa menyayangi warga sekolah kita.

Rakan-rakanku,
Bagaimanakah cara kita menyayangi warga sekolah? Pertama, kita perlu menyapa mereka apabila bertemu. Kedua, raikan hari istimewa mereka dengan memberikan hadiah atau kad ucapan.

Wahai rakan-rakanku,
Sayangi warga sekolah kita. Sudah pasti hubungan menjadi lebih erat apabila kita saling menyayangi sesama warga sekolah.

Sekian, terima kasih.

1. Nyatakan kepentingan menyayangi warga sekolah.
2. Ceritakan cara kamu menyayangi warga sekolah.





Nota Kasih Sayang

Baca dan hayati nota di bawah.

Istimewa untuk Mak Cik Munah,
Kami akan menjaga kebersihan
tandas bersama-sama.

Kami sayang Mak Cik Munah.
Terima kasih Mak Cik Munah.

Daripada,
Abid, Lucy dan Sharjesh

Tuan Guru Besar,
Kami berasa bangga dapat
menyayangi tuan yang selalu
memberikan nasihat kepada
kami.

Daripada,
Natalia, Yu Fang dan Rajpreet

Kepada Kak Ana,
Terima kasih kerana
sentiasa membantu kami
mengurus diri setiap hari.
Kami berasa selesa dan
seronok dengan Kak Ana.

Daripada,
Marleen, Lisa dan Lee Ji An

1. Apakah perasaan kamu apabila dapat menyayangi warga sekolah?
2. Mengapakah kamu perlu menyayangi warga sekolah?





Domino Kasih Sayang

Cara bermain:

1. Permainan ini dimainkan oleh sekurang-kurangnya dua orang pemain.
2. Kad dibahagikan kepada pemain.
3. Pemain yang mendapat kad MULA akan memulakan permainan.
4. Pemain akan memadamkan watak warga sekolah dengan cara menyayangi mereka yang sesuai.
5. Permainan diteruskan sehingga kad TAMAT.

MULA	Mak Cik Noni seorang pekerja kantin.	Saya menghadihkan sejambak bunga kepada Kak Siti.	TAMAT
Saya berkongsi sarapan dengan rakan saya.	Kak Siti seorang Pembantu Pengurusan Murid.	Saya selalu menyapa beliau apabila tiba di pintu pagar.	Cikgu Wong Ai Lee seorang guru Pendidikan Khas.
Saya selalu mengucapkan terima kasih selepas membeli makanan di kantin.	Pak Cik Hanafi seorang pengawal keselamatan.	Saya selalu membantu beliau membawa buku.	Joshua rakan sekelas saya.

1. Ramalkan kesan sekiranya semua warga sekolah mengamalkan nilai kasih sayang. 🌸
2. Lakonkan situasi di atas bersama-sama dengan rakan kamu.



7.1.1
7.1.2
7.1.4



Nota Guru

- Guru boleh melakukan aktiviti mengikut kreativiti masing-masing.



Roti Kasih Sayang

Mari kita buat aktiviti Roti Kasih Sayang untuk dihadiahkan kepada warga sekolah sebagai tanda kasih sayang kepada mereka.



Bahan-bahan yang diperlukan.




1 Tekapkan roti menggunakan acuan.



2 Sapukan jem strawberi pada roti.



3 Hiriskan strawberi dan susun di atas roti.



4 Masukkan roti ke dalam bekas.



5 Hadiahkan roti itu kepada warga sekolah.

1. Nyatakan perasaan kamu selepas menghadiahkan Roti Kasih Sayang kepada warga sekolah.



Baca dan fahami dialog di bawah.



1. Bagaimanakah Remy bersikap adil terhadap rakan-rakannya?
2. Mengapakah kamu perlu bersikap adil dalam pembahagian tugas?





Mari Bersikap Adil Sesama Warga Sekolah

Fahami cerita di bawah.

Semasa Hari Sukan Sekolah, sebagai ahli pengakap, Yuan Seng dan Ragu ditugaskan untuk mengedarkan makanan dan minuman kepada warga sekolah.




Ragu, tinggal Mak Cik Thama sahaja yang belum kita berikan roti dan air mineral.



Raju, saya hendak beri lebih kepada Mak Cik Thama.



1. Bincangkan kesudahan cerita di atas. 
2. Mengapakah kita perlu bersikap adil dalam situasi di atas?



8.1.1
8.1.2



Nota Guru

• Bimbing murid bersikap adil sesama warga sekolah.



Lagu Keadilan

Mari menyanyikan lagu di bawah.



Amal sikap adil
Tidak berat sebelah
Warga sekolah sayang
Kita dipuji



Amal sikap adil
Agih sama rata
Warga sekolah suka
Semua gembira



Amal sikap adil
Jadikan amalan
Warga sekolah bangga
Kita dipuji



IMBAS SAYA

(Melodi Lagu "Urus Diri
Tahun I Pendidikan Khas")

1. Berdasarkan lagu di atas, sebutkan ciri bersikap adil.
2. Apakah kebaikan bersikap adil sesama warga sekolah?
3. Ceritakan perasaan kamu apabila bersikap adil kepada warga sekolah.



Permainan Kotak Keadilan

Cara bermain:

1. Murid diminta duduk dalam bulatan.
2. Apabila muzik dimainkan, murid pertama mula mengedarkan kotak kepada rakan di sebelahnya mengikut pusingan.
3. Apabila muzik dihentikan, murid yang memegang kotak ketika itu perlu mengambil satu kad dari dalam kotak.
4. Murid perlu menjawab tindakan adil atau tidak berdasarkan kad.



8.1.1
8.1.2
8.1.3
8.1.4




Nota Guru

- Guru perlu menyediakan kad situasi.



Kempen Makan Makanan Berkhasiat

Kamu dikehendaki menyediakan bakul buah-buahan untuk dihadihkan kepada tiga orang warga sekolah.



1. Sediakan bahan-bahan yang diperlukan.



2. Bahagikan buah-buahan sama rata.



3. Bakul yang sudah siap.



4. Hadihkan bakul buah-buahan kepada warga sekolah.



1. Bagaimanakah cara kamu bersikap adil sesama warga sekolah?
2. Apakah perasaan kamu apabila dapat menghadihkan bakul buah-buahan secara adil untuk warga sekolah?



BERANI BERKOMUNIKASI DI SEKOLAH



Baca dan fahami situasi di bawah.



1. Apakah perlakuan berani yang ditunjukkan dalam situasi di atas?
2. Ceritakan pengalaman kamu bersikap berani berkomunikasi dengan pelawat di sekolah.






Hari Kesedaran Austisme Sedunia

Baca dan fahami situasi di bawah.

Bersempena dengan Hari Kesedaran Autisme Sedunia, murid Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) membuat persembahan di dewan sekolah. Persembahan mereka mendapat tepukan gemuruh. Beberapa orang murid pula mengedarkan buku program kepada tetamu. Hal ini dapat menggalakkan mereka menjadi lebih berani dan yakin dengan diri sendiri. Murid-murid PPKI berasa sangat gembira.





1. Berdasarkan situasi di atas, apakah sikap berani yang ditunjukkan oleh murid tersebut?
2. Jelaskan kepentingan sikap berani bercakap dengan pelawat berdasarkan situasi di atas.
3. Ceritakan perasaan kamu sekiranya berani berkomunikasi dengan pelawat.



9.1.1
9.1.2
9.1.3



Kad Undangan

1. Murid perlu menyediakan kad undangan menggunakan aplikasi atau perisian yang sesuai.
2. Cetak kad undangan tersebut.
3. Guntingkan dan hiaskan kad undangan mengikut kreativiti murid.
4. Murid perlu mengedarkan kad undangan yang telah siap kepada ibu bapa yang berada di dalam kawasan sekolah.



1. Apakah perasaan kamu semasa mengedarkan kad undangan?
2. Mengapakah kamu perlu bersikap berani berkomunikasi dengan pelawat di sekolah?



- Murid dikehendaki mengedarkan kad undangan kepada ibu bapa yang berada di sekolah.
- Bimbing murid mengedarkan kad undangan.



Projek Keberanian

Bersempena dengan Jamuan Akhir Tahun dan Sambutan Hari Lahir murid-murid PPKI, murid akan memperagakan pakaian tradisional.

Aktiviti:

1. Murid akan memakai pakaian tradisional mengikut pilihan masing-masing.
2. Murid diminta untuk memperagakan pakaian tersebut di atas pentas di hadapan tetamu yang hadir.
3. Murid diminta untuk memberikan penerangan tentang pakaian yang diperagakan.

Nama saya Lai. Saya memakai pakaian tradisional bangsa Cina, iaitu ceongsam.



1. Apakah perasaan kamu setelah melakukan aktiviti ini?
2. Mengapakah kamu perlu berani untuk berkomunikasi dengan pelawat di sekolah?



9.1.2
9.1.3
9.1.4



Nota Guru

- Bimbing murid memberikan penerangan tentang pakaian tradisional yang diperagakan.



Kerusi Berirama

Mari bermain dan berikan respons kepada kad situasi.

Cara bermain.

1. Setiap kerusi disusun dalam bentuk bulatan (setiap kerusi menghadap ke luar bulatan).
2. Apabila muzik dimainkan, murid perlu bergerak mengelilingi bulatan kerusi tersebut sehingga muzik berhenti.
3. Apabila muzik berhenti, murid yang tidak mendapat kerusi perlu mengambil satu kad situasi.
4. Murid perlu melakonkan perlakuan berani berkomunikasi dengan pelawat di sekolah.
5. Ulang permainan sehingga kad situasi habis.



IMBAS SAYA

1. Apakah perasaan kamu dapat berkomunikasi dengan pelawat tersebut?
2. Mengapakah kamu perlu bersikap berani apabila berkomunikasi dengan pelawat di sekolah?



Nota Guru

- Bimbing murid menjelaskan kepentingan berani berkomunikasi.
- Bimbing murid memberikan respons kepada situasi.



Baca dan fahami.

Pei Ting pergi ke kedai buku sekolah untuk membeli lima buah buku latihan. Apabila kembali ke kelas, dia mendapati ada enam buah buku.

Kak Ani, saya ingin pulangkan buku latihan ini. Kak Ani terlebih bagi tadi.

Terima kasih, Pei Ting. Kamu sangat jujur. Sikap kamu patut dicontohi.



1. Apakah perlakuan jujur yang telah ditunjukkan oleh Pei Ting?
2. Nyatakan perasaan Pei Ting apabila bersikap jujur terhadap warga sekolah.



Mari Kitar Semula

Baca dan fahami dialog di bawah.



Mak cik, boleh saya tolong asingkan barang-barang ini?

Baik, Agus.



Mak cik, saya jumpa wang ini di dalam kotak.

Ini bukan wang mak cik, Agus. Kamu boleh serahkan kepada cikgu.

Baiklah.



Bagus, Agus! Kamu seorang murid yang amanah.

1. Nyatakan perlakuan jujur yang telah ditunjukkan oleh Agus.
2. Mengapakah kamu perlu bersikap jujur terhadap warga sekolah? 🧠



Bercakap Benar Bersama-sama dengan Rakan

Fahami situasi di bawah.

Tiga orang murid, Mikhail, Letchumi dan Zhi Mei sedang menunggu ibu mereka untuk pulang ke rumah.



1. Apakah perlakuan jujur yang telah ditunjukkan oleh murid dalam situasi di atas?
2. Kongsikan pengalaman sikap jujur yang pernah kamu tunjukkan terhadap warga sekolah.






Kashwin yang Jujur

Fahami situasi di bawah dan main peranan.

Situasi 1



Tindakan



Situasi 2


Kashwin, tolong jagakan bekas makanan saya.

Baiklah, Munira.



Tindakan

Jangan Sankar, ini bekas makanan Munira.



1. Berdasarkan situasi di atas, senaraikan perlakuan jujur Kashwin.
2. Apakah perasaan Kashwin apabila bersikap jujur terhadap warga sekolah?
3. Nyatakan kepentingan bersikap jujur terhadap warga sekolah.



Pantun Kejujuran

Lafaz dan fahami pantun di bawah.

Terbang bayan ke Kuala Rokan,
Hinggap merbah di tepi kali;
Harus disimpan rahsia rakan,
Ditokok tambah jangan sekali.

Bunga raya di atas bangku,
Terkena sinar warnanya malap;
Andai saya tersalah laku,
Berkata benar mengaku silap.

Pisang rastali tumbuh melata,
Anak keladi sulurnya melelas;
Jangan sekali meminta-minta,
Jika berbudi hendaklah ikhlas.

Delima indah ukir membujur,
Cantik dipakai susun bertingkat;
Kalau sudah bersikap jujur,
Tentu ramai datang mendekat.



IMBAS SAYA

1. Nyatakan perlakuan jujur yang terdapat dalam pantun di atas.
2. Adakah kamu perlu bersikap jujur terhadap warga sekolah?



10.1.1
10.1.2



Permainan Menara Kejujuran

Cara bermain:

1. Murid dibahagikan kepada dua kumpulan.
2. Setiap kumpulan diberikan sekeping kad situasi.
3. Setiap kumpulan perlu menjawab tindakan jujur berdasarkan situasi.
4. Jika jawapan betul, kumpulan tersebut akan diberikan dua biji cawan kertas.
5. Ulangi permainan sehingga semua kad situasi habis.
6. Kumpulan yang dapat menyusun cawan menjadi menara tertinggi dikira sebagai pemenang.



Kamu telah terkoyakkan buku teks Janet. Apakah tindakan kamu?

Mak Cik Selvi telah terlebih memulangkan wang baki. Apakah tindakan kamu?

Pak Cik Aidil memberikan upah selepas kamu membantunya di kebun sekolah. Apakah tindakan kamu?

Rakan meminta kamu menyimpan wang hasil jualan kebun sekolah. Apakah yang perlu kamu lakukan?





KERAJINAN TANGGA KEJAYAAN



Baca dan fahami catatan diari kerajinan Tina di bawah.

2 Ogos

Saya sangat suka bermain *petanque*. Saya berazam untuk menjadi pemain *petanque* yang handal.

7 Ogos

Saya berlatih bersama-sama dengan kawan baik saya, Alma selama dua jam. Kami banyak belajar teknik melontar *boule*.

12 Ogos

Hari ini cikgu memaklumkan bahawa pertandingan *petanque* akan dijalankan pada bulan hadapan. Saya terus berlatih setiap hari supaya terpilih untuk mewakili sekolah.

22 Ogos

Latihan pada hari ini sangat meletihkan. Namun begitu, saya meneruskan usaha dan bersemangat untuk menjadi pemain cemerlang.

10 September

Saya mendapat tempat kedua bagi pertandingan *petanque* peringkat sekolah. Saya berasa sungguh gembira dan bangga dengan kejayaan diri ini. Saya akan terus berusaha mencapai kejayaan yang lebih baik pada masa hadapan.




1. Berdasarkan catatan diari di atas, nyatakan perlakuan rajin yang ditunjukkan oleh Tina.
2. Apakah kebaikan daripada sikap rajin Tina?
3. Apakah perasaan kamu apabila mengamalkan sikap rajin?





Jojo yang Rajin

Baca dan fahami cerita di bawah.



Ini Jojo. Jojo suka membaca buku. Jojo membaca buku pada setiap hari.

Pada waktu rehat, Jojo dan kawan baiknya, Dudu pergi ke perpustakaan untuk membaca dan meminjam buku.



Pada suatu pagi, cikgu memaklumkan kepada semua murid tentang Kempen Membaca. Jojo dan kawan-kawannya berasa sangat gembira mendengar berita tersebut.

Jojo dan Dudu sungguh bersemangat. Mereka mula membuat catatan semua buku yang dibaca pada setiap hari.



Sebulan selepas itu, Jojo telah diumumkan sebagai pembaca buku terbanyak. Jojo berasa sangat gembira. Jojo berazam untuk terus membaca walaupun kempen tersebut telah berakhir.

1. Berdasarkan cerita di atas, nyatakan sikap yang telah diamalkan oleh Jojo.
2. Apakah kebaikan yang diperoleh daripada sikap rajin Jojo di sekolah?
3. Apakah perasaan Jojo apabila bersikap rajin di sekolah?
4. Berikan contoh sikap rajin di sekolah yang boleh kamu lakukan?





Bunga Kertas Kerajinan

Bahan-bahan:



kertas warna



gam



gunting




pengklot



Potong pelbagai kertas warna menjadi ukuran 12cm x 21cm.



Lipat kecil kertas warna tersebut.



Guntingkan hujung kertas yang telah dilipat menjadi separa bulatan.



Cantumkan di bahagian tengah lipatan kertas tersebut menggunakan pengklot.





Lipatkan kertas kepada dua bahagian yang sama panjang dan lekatkan menggunakan gam.



Letakkan gam pada hujung lipatan kertas. Cantumkan hujung kertas tersebut menjadi bunga kertas.

Senarai Semak

Nama murid				
Aktiviti/Hari	Potong kertas 21cm x 21cm	Melipat	Menggunting	Pengokot dan Gam
Isnin				
Selasa				
Rabu				
Khamis				
Jumaat				

1. Apakah perasaan kamu setelah memperoleh hasil daripada sikap rajin tersebut?
2. Apakah yang akan terjadi sekiranya kamu tidak bersikap rajin semasa melakukan aktiviti di atas?
3. Nyatakan kebaikan yang diperolehi daripada sikap rajin di sekolah.



Nota Guru

- Jalankan aktiviti yang bersesuaian dengan murid dan boleh mendatangkan hasil.
- Aktiviti boleh digantikan mengikut kemampuan murid.



Buku Skrap Kerajinan

Mari buat buku skrap kerajinan.

Bahan-bahan yang diperlukan:

- ❁ artikel kisah kejayaan individu hasil kerajinan
- ❁ kertas warna
- ❁ gam
- ❁ bahan hiasan
- ❁ kertas A4
- ❁ gunting
- ❁ pensel warna

Langkah-langkah

1. Guntingkan artikel berkaitan dengan kisah kejayaan individu hasil daripada kerajinan mereka.
2. Lekatkan artikel tersebut pada kertas A4.
3. Garisi perkataan yang berkaitan dengan kerajinan.
4. Sediakan muka depan buku skrap dengan menulis tajuk.
5. Hiaskan buku skrap mengikut kreativiti masing-masing.
6. Pamerkan buku skrap di sudut Pendidikan Moral.



1. Apakah perasaan kamu setelah menyiapkan buku skrap ini?



Nota Guru

- Bimbing murid melaksanakan aktiviti ini.
- Aktiviti lain yang boleh dilakukan adalah dengan menyediakan album gambar yang mengandungi gambar kejayaan murid PPKI.



Baca dan fahami cerita di bawah.

Pada suatu petang, Ravi mendapat berita rakannya, Farid menghidap penyakit demam denggi. Ravi berbincang dengan keluarganya untuk membersihkan rumah mereka agar bebas daripada pembiakan nyamuk aedes. Mereka bersetuju untuk bergotong-royong pada keesokan harinya.



1. Apakah aktiviti kerjasama yang ditunjukkan dalam situasi di atas?
2. Mengapakah Ravi perlu bekerjasama dengan keluarganya?
3. Apakah aktiviti kerjasama yang pernah kamu lakukan bersama-sama dengan keluarga?





Bulat Air Kerana Pembetung, Bulat Manusia Kerana Muafakat

Fahami cerita di bawah.


1

Joshua dan keluarganya pergi ke pasar raya untuk membeli barang kelengkapan jamuan hari lahir adiknya.



2


Ayah dan abang menghias rumah dengan menggantung hiasan serta menyusun kerusi dan meja.



3

Ibu memasak nasi ayam. Kakak memotong buah-buahan dan Joshua menyediakan minuman.





4 Hasil sikap kerjasama yang diamalkan, semua kerja menjadi mudah, ibarat bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat. Mereka sangat gembira kerana jamuan tersebut berjaya diadakan.



1. Berpandukan cerita di atas, senaraikan aktiviti kerjasama yang dilakukan oleh Joshua dan keluarganya.
2. Apakah kesan daripada aktiviti kerjasama yang diamalkan oleh Joshua dan keluarganya?
3. Ramalkan perkara yang akan berlaku jika tiada amalan kerjasama dalam keluarga Joshua.



Jalan Galeri Kerjasama

Fahami dan lakonkan situasi tentang aktiviti kerjasama bersama-sama dengan keluarga.

Selamat

ke

Sekolah

STES

STES

Pemilihan Kawasan dan Tapak Perkemahan

1. Pilih tanah atau tapak yang rata.
2. Pastikan kawasan perkhemahan berhampiran dengan punca air bersih dan lebih tinggi daripada paras punca air tersebut.
3. Pastikan tapak perkhemahan jauh daripada pokok dan dahan kayu mati.
4. Pastikan kawasan perkhemahan mudah untuk dapatkan bantuan sekiranya ada kecemasan.
5. Pastikan aktiviti perkhemahan dimaklumkan kepada pihak berwajib seperti Polis dan Jabatan Perhutanan.
6. Mudah untuk mendapatkan bahan bakar.
7. Bahan bakar perlu untuk memasak jika memasak menggunakan unggun api.
8. Pastikan kawasan tersebut terselamat dari binatang buas atau penceroboh yang tidak diingini.

Langkah-langkah Memasang Khemah

1. Sediakan tapak khemah.
2. Sambungkan rangka lentur khemah.
3. Masukkan rangka khemah ke dalam lubang pada khemah sehingga ke penjurukan khemah. Tegakkan kedua-dua tiang.
4. Pacakkan pancang pada lubang yang disediakan pada setiap penjuru khemah.
5. Pasangkan lapisan pelindung luar khemah dan cangkukannya pada lubang yang disediakan.



IMBAS SAYA

t Datang

ke

ES EN

Langkah-langkah



LANGKAH-LANGKAH MEMASANG KHEMAH

1. Sediakan tapak khemah.
2. Sambungkan rangka lentur khemah.
3. Masukkan rangka khemah ke dalam lubang pada khemah sehingga ke penjuru khemah. Tegakkan kedua-dua tiang.
4. Pacakkan pancang pada lubang yang disediakan pada setiap penjuru khemah.
5. Pasangkan lapisan pelindung luar khemah dan cangkukkannya pada lubang yang disediakan.

1. Berpandukan situasi di atas, nyatakan aktiviti kerjasama yang boleh dilakukan bersama-sama dengan keluarga.
2. Nyatakan kesan jika tidak mengamalkan sikap bekerjasama dengan keluarga. 🌸
3. Apakah perasaan kamu apabila bekerjasama dengan keluarga?



12.1.1
12.1.2
12.1.3



Nota Guru

• Bimbing murid melaksanakan aktiviti di atas.



Main Peranan

Berpandukan situasi di bawah, lakonkan semula aktiviti kerjasama dengan keluarga.

Situasi 1

Keluarga Lucas menanam sayur di kebun.

Situasi 2

Keluarga Halim mengemas stor rumah.

Situasi 3

Keluarga Chandra membuat persiapan sambutan Hari Ponggal.

Situasi 4

Keluarga Siew Chin membuat persiapan Pesta Kuih Bulan.


1. Nyatakan peranan kamu dalam menjayakan aktiviti di atas.
2. Ceritakan pengalaman kamu bekerjasama dengan keluarga.





Fahami situasi di bawah dan bandingkan.

Keluarga Angelina akan pulang ke kampung dengan menaiki kereta.



1. Berdasarkan gambar di atas, banding beza perlakuan yang ditunjukkan oleh Angelina.
2. Nyatakan perlakuan sederhana yang telah diamalkan oleh Angelina.
3. Apakah kesan sikap keterlaluan yang diamalkan oleh Angelina?



James yang Bersikap Sederhana

Baca dan fahami cerita di bawah.

James bersiap untuk bermain bola bersama-sama dengan rakannya di padang.

Saya tidak boleh berpakaian begini untuk bermain bola.



Pada waktu makan malam, James dan keluarganya menikmati hidangan makan malam.

Mari makan.

Wah, ini kegemaran saya!

Tetapi, saya perlu ambil secukupnya sahaja.



James sedang bermain tablet apabila kakak masuk ke biliknya.

James, sudah pukul 10 malam.

Baiklah, kakak. Saya pun sudah setengah jam bermain tablet ini.



1. Berdasarkan situasi di atas, senaraikan sikap sederhana James di rumah.
2. Apakah yang akan terjadi jika James tidak mengamalkan sikap sederhana di rumah?
3. Nyatakan perasaan James apabila dapat mengamalkan sikap sederhana di rumah.
4. Ceritakan perlakuan sederhana kamu di rumah.





Kesederhanaan Sikap Terpuji

Cara menjalankan aktiviti:

1. Murid membentuk kumpulan kecil.
2. Setiap kumpulan diberikan satu kad situasi.
3. Murid membaca dan memahami situasi yang diberikan.
4. Murid berbincang dan menulis tindakan sederhana yang patut diambil.
5. Ketua kumpulan membentangkan hasil perbincangan tersebut.
6. Setiap kumpulan melakonkan situasi tersebut.

Situasi 1

Pei Chee bercakap menggunakan nada yang tinggi dengan adiknya.



Situasi 2

Kucing Hendra telah mati. Hendra menangis berhari-hari.




Situasi 3

Ayah membawa pulang dua kotak piza. Veena mengambil semua piza untuk dirinya kerana piza merupakan makanan kegemarannya.



Situasi 4

Parminder Kaur akan menghadiri Majlis Makan Malam Amal di sekolahnya. Dia telah memakai perhiasan dengan keterlaluan.



1. Senaraikan contoh perlakuan sederhana yang sepatutnya diamalkan dalam situasi di atas.
2. Mengapakah sikap sederhana perlu diamalkan di rumah?
3. Apakah perasaan kamu apabila mengamalkan sikap sederhana?



13.1.1
13.1.2
13.1.3



Nota Guru

• Aktiviti ini dilaksanakan berdasarkan “Meja Bulat”.



Tarsia Kesederhanaan

Berdasarkan situasi pada halaman 71, hasilkan tarsia kesederhanaan.

Cara-cara bermain:

1. Murid menyusun kad kecil mengikut susunan soalan dan jawapan.
2. Kad disusun menjadi bentuk seperti bulat, piramid dan lain-lain.
3. Hasilnya akan membentuk tarsia.



IMBAS SAYA



Nota Guru

- Murid dibimbing untuk menggunakan tarsia.
- Guru boleh mencari info berkaitan dengan penggunaan tarsia.

TOLAK ANSUR KELUARGA SEJAHTERA



Baca dan fahami situasi di bawah.

Adik, abang ingin menonton Program Bitara Sains pada pukul 10 pagi ini.

Program ini dapat membantu abang menjawab soalan ujian esok.

Terima kasih adik kerana bertolak ansur dengan abang.

Saya baru mula menonton rancangan kartun ini.

Baiklah, abang.

Saya perlu bersabar.

1. Nyatakan ciri toleransi yang terdapat dalam cerita di atas.
2. Mengapakah kamu perlu bertoleransi terhadap ahli keluarga?





Bertolak Ansur Terhadap Ahli Keluarga

Kaji dan cari jalan penyelesaian bagi situasi di bawah.

Melaka Bandaraya Bersejarah



Keperluan

Menyiapkan tugas mata pelajaran Sejarah

Taman Tema



Keperluan

Keseronokan



Pilihan destinasi
percutian keluarga
Encik Wong Kai Chun



1. Bincangkan keputusan toleransi yang perlu diambil dalam situasi di atas.
2. Nyatakan sikap toleransi yang perlu ditunjukkan oleh ahli keluarga.
3. Mengapakah kamu perlu mengamalkan sikap toleransi terhadap ahli keluarga?
4. Apakah yang akan berlaku sekiranya ahli keluarga tidak mengamalkan sikap toleransi?



14.1.1
14.1.2
14.1.3



Nota Guru

- Bimbing murid menyelesaikan masalah mengikut kemampuan masing-masing.



Permainan Saya Bertoleransi

Mari kita bermain.

Alatan:

1. Dadu dan penanda

Cara-cara bermain:

1. Permainan ini boleh dimainkan oleh dua orang atau lebih.
2. Tentukan giliran pemain.
3. Pemain pertama melontarkan buah dadu dan bergerak mengikut bilangan angka pada dadu.
4. Murid perlu menyatakan tindakan yang perlu diambil berdasarkan situasi yang diberikan.
5. Murid yang sampai dahulu di kotak penamat dikira sebagai pemenang.

Mula

1

2

Kamu dan adik berebut untuk duduk di sebelah ayah ketika menonton televisyen.

3

4

5

Undur dua langkah ke belakang.

6

7

Kamu sedang menonton televisyen dengan suara yang kuat ketika kakak sedang belajar.

9

Maju tiga langkah ke hadapan.

8

11

Kamu berebut bilik air dengan abang. Abang sudah terlewat ke kelas tambahan.

10

12

Abang ingin bermain boling tetapi kamu ingin menonton wayang.

13

25

Adik ingin memakan mi goreng tetapi kamu ingin memakan piza.

24

Undur dua langkah ke belakang.

23

27

26

22

14

Kamu berebut pensel warna dengan adik kamu.

28

29

21

Abang memakai kasut baharu kamu yang dihadiahkan oleh ayah.

15

Tamat

16

Adik kamu telah menumpahkan air di atas buku latihan.

17

19

Undur tiga langkah ke belakang

20

18

1. Senaraikan sikap toleransi yang terdapat dalam permainan di atas.
2. Ramalkan perasaan kamu apabila dapat bersikap toleransi terhadap ahli keluarga.



14.1.1
14.1.2



Nota Guru

- Bimbing murid membuat keputusan yang membawa kepada nilai toleransi.



Brosur Toleransi

Sekolah kamu akan mengadakan kempen toleransi. Kamu dikehendaki menghasilkan brosur berkaitan dengan toleransi terhadap ahli keluarga.

♥ Cara-cara bertoleransi

1. Boleh bertolak ansur dengan ahli keluarga.
2. Mengawal diri dengan kiraan 1 hingga 10.
3. Berfikir sebelum bertindak.

♥ Kepentingan bertoleransi

1. Mewujudkan keharmonian dalam keluarga.
2. Mengelakkan pergaduhan antara adik-beradik.
3. Membuat keputusan dengan bijak.

♥ Kata kunci toleransi

1. Sabar
2. Tolak ansur
3. Mengawal diri



Nota Guru

- Sekiranya tiada kemudahan Internet, bimbing murid menyiapkan brosur mengikut kreativiti masing-masing.